



## TERMA & SYARAT

1. Insurans E-Hailing ini, iaitu polisi 'Insurans Kereta E-Hailing Mride', adalah perlindungan insurans yang tersedia untuk melindungi anda dan/atau pasangan dan/atau anak-anak anda semasa perjalanan E-hailing MOEVD anda.
2. Ringkasan terma dan syarat utama boleh dirujuk dalam Risalah Pendedahan Produk bersama dengan Ungkapan Polisi yang terdapat di bahagian 'Tab Insurans' Aplikasi MOEVD.
3. Dengan menerima polisi Insurans Kereta E-Hailing Mride ini:
  - (a) Anda dengan ini memperakui dan bersetuju bahawa anda telah sepenuhnya membaca Risalah Pendedahan Produk dan Ungkapan Polisi kami.
  - (b) Anda memperakui bahawa anda memahami terma dan syarat polisi dan bahawa Insurans E-Hailing yang diterima sesuai dengan keperluan insurans anda.
  - (c) Anda maklum tentang [syarat-syarat kelayakan](#) mengenai umur, tempat tinggal dan pekerjaan dan anda memenuhi syarat yang sama.
  - (d) Anda dianggap telah membaca, memahami, dan bersetuju dengan pengumpulan dan pemprosesan maklumat peribadi anda oleh MOEVD Groups Sdn Bhd dan AIG Malaysia Insurance Berhad (sama ada diperoleh semasa proses permohonan atau pentadbiran polisi Insurans Kereta E-Hailing Mride) selaras dengan Notis Privasi yang diterbitkan dari semasa ke semasa di laman web di <https://www.aig.my/campaigns/moevd-home> dan <https://www.aig.my/privacy-notice>.
  - (e) Maklumat peribadi anda termasuk maklumat Nombor K/P / Nombor Pasport anda sebagai pengguna berdaftar Aplikasi Kereta E-hailing MOEVD mestilah tepat untuk tujuan pengenalan pelanggan.
4. Apabila anda memutuskan untuk menerima polisi Insurans Kereta E-Hailing Mride, setiap perjalanan berikutnya akan dilindungi dan premium sebanyak RM0.50 akan ditambah pada setiap tambang perjalanan sehingga anda memutuskan untuk menolak polisi Insurans Kereta E-Hailing Mride ini. Polisi Insurans Kereta E-Hailing Mride tidak termasuk Kenderaan E-hailing yang ditempah secara carter.
5. Anda memperakui dan bersetuju bahawa anda mesti berhati-hati untuk mendedahkan semua fakta penting yang anda ketahui atau mungkin anda ketahui yang boleh mempengaruhi profil risiko anda dan memastikan bahawa semua maklumat yang diperuntukkan dalam Aplikasi E-Hailing adalah penuh, lengkap, betul, jujur dan setakat pengetahuan anda yang terbaik kerana maklumat ini membentuk asas kontrak anda.
6. Apabila anda memutuskan untuk menolak polisi Insurans Kereta E-Hailing Mride ini atau apabila anda tidak lagi memenuhi mana-mana syarat kelayakan polisi Insurans Kereta E-Hailing Mride ini, perlindungan yang diperuntukkan akan tamat secara automatik.
7. Polisi Insurans Kereta E-Hailing Mride ini boleh ditarik balik atau ditamatkan oleh MOEVD Groups Sdn Bhd dan AIG Malaysia Insurance Berhad pada bila-bila masa tanpa memberi notis terlebih dahulu kepada anda.
8. Jika anda mempunyai pertanyaan mengenai terma dan syarat polisi Insurans Kereta E-Hailing Mride ini, anda boleh



menghubungi AIG Malaysia di talian 1800 88 8811 (Isnin - Jumaat, 9am - 5pm).

9. Polisi Insurans Kereta E-Hailing Mride ini, diatur oleh MOEVD Groups Sdn Bhd sebagai pemegang polisi induk bagi polisi insurans ini. Polisi 'Insurans Kereta E-Hailing Mride' ini diunderait oleh AIG Malaysia Insurance Berhad yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.